



SIARAN MEDIA

OPERASI BERSEPADU TEMPAT PENYEMBELIHAN AYAM TANPA PERMIT

MPS telah melaksanakan Operasi Bersepadu Tempat Penyembelihan Ayam Tanpa Permit di sempadan Pasar Borong Selayang pada 7 Februari 2019. MPS mendapati bahawa masih terdapat lagi tempat penyembelihan dan memproses ayam secara terbuka dijalankan. Selain itu, sisa ayam dan darah dibiarkan diatas lantai dalam masa yang lama turut mengundang kepada masalah kebersihan.

Tiga kompaun dikeluarkan kepada premis berkenaan iaitu di bawah Seksyen 6, tidak mempunyai tong sampah yang tertutup di bawah Seksyen 74, membiarkan bangunan (bahagian dalam belakang premis penyediaan dan penyimpanan ayam segar) berada dalam keadaan kotor dan di bawah Undang-Undang Kecil 21(1)d, menyebabkan kekotoran dan mengalirkan cecair terus ke longkang.

Operasi ini turut melibatkan seramai 10 orang penguatkuasa MPS yang diketuai oleh En Mohd Zahari Bin Mohd Ali, Pembantu Penguatkuasa Kanan bersama 5 orang anggota Penguatkuasa Jabatan Imigresen dan 2 orang anggota PDRM terlibat dalam operasi bersepadu ini. Melalui operasi ini juga, seorang PATI telah ditangkap kerana tidak mempunyai permit kerja dan dokumen perjalanan yang sah oleh Penguatkuasa Jabatan Imigresen Selangor di bawah Seksyen 6(1)(c) Akta Imigresen 1959/63.

MPS akan terus memastikan premis niaga menjaga kebersihan bagi menjamin jualan dalam keadaan yang baik bagi mengelakkan sebarang kekotoran yang boleh menimbulkan isu kesihatan.

-TAMAT-

Dikeluarkan oleh :

EN. MOHAMAD ZIN BIN MASOAD A.M.S.

Pengarah
Jabatan Korporat
b/p Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Selayang

03-6126 5800/019-280 7788

Tarikh dikeluarkan : 7 Februari 2019